

16/03/2000

Gua Musang belum pilih calon

KOTA BHARU, Rabu - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata bahagiannya belum membuat ketetapan berhubung pencalonan jawatan penting dalam Majlis Tertinggi (MT) Umno, pada perhimpunan agung parti, Mei ini.

Katanya, perwakilan pada mesyuarat bahagiannya yang diadakan pada 31 Mac ini, bebas menyatakan pendirian masing-masing berhubung perkara itu.

"(Bahagian saya) tak bermesyuarat lagi. Dia orang (perwakilan) masing-masing buat pendirian bebas. Tak ada apa," kata beliau setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini dari Kuala Lumpur, petang ini.

Beliau yang juga Ketua Umno bahagian Gua Musang berkata demikian mengulas pendirian bahagian itu berhubung pencalonan jawatan penting dalam MT.

Ditanya mengenai kedudukannya apabila mendapat pencalonan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden serta dua pencalonan Naib Presiden, Tengku Razaleigh berkata beliau tidak mempunyai pendirian baru berhubung perkara itu.

Mengenai dakwaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa ada pihak tertentu cuba menghalang perwakilan daripada mencalonkannya untuk jawatan Naib Presiden pada perhimpunan agung itu, Tengku Razaleigh berkata:

"Itu, dia nak lapor kepada Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad). Kita dengarlah apa yang dia lapor. Saya sendiri tak tahu."

(END)